
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HMT 228 - SOSIOLINGUISTIK

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

1. Jawab EMPAT soalan sahaja.
2. Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A.
3. Jawab mana-mana DUA soalan daripada Bahagian B.

...2/-

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan.


1. Jawab soalan [a] dan [b] yang berikut:

- [a] Berdasarkan maklumat di dalam GAMBAR 1– 3 yang diberikan, tulis satu huraian ringkas tentang hubungan dan signifikan konsep [i], [ii] dan [iii] di dalam sosiolinguistik. Gunakan contoh yang sesuai.



GAMBAR 1 : KOSMO 16 Ogos 2006

...3/-



GAMBAR 2 : KOSMO 7 Ogos 2006



GAMBAR 3 : KOSMO 15 Ogos 2006

- [i] Bahasa
- [ii] Budaya
- [iii] Masyarakat

[12 markah]

[b] Jelaskan dengan ringkas konsep yang berikut berdasarkan Holmes (2001) dan sertakan contoh yang sesuai.

- [i] Dimensi sosial
- [ii] Konteks
- [iii] Pengalihan bahasa
- [iv] Gosip

[13 markah]

...5/-

2. Bincangkan bahasa kreol daripada aspek [a] – [c], dan berikan contoh yang sesuai.

[a] Konteks sejarah (Bickerton. 1988). [8 markah]

[b] Susunan perkataan (Muysken.1988). [9 markah]

[c] Berlandaskan perbincangan di dalam [a] dan [b] di atas, adakah kreol satu bahasa yang istimewa? Bincangkan. [8 markah]

Bahagian B

Jawab DUA soalan sahaja.

3. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Terdapat tiga fokus perbincangan di dalam sosiolinguistik (Holmes. 2001): pengguna, penggunaan dan komuniti pertuturan multilingual.

Berdasarkan pernyataan di atas, jawab soalan (i), (ii) dan (iii). Nyatakan dengan jelas fokus yang dinyatakan itu bagi setiap pasangan tersebut dan huraikan dengan ringkas serta berikan contoh yang sesuai.

[i] Kognisi dan santun bahasa

[ii] Perubahan kod dan pijin

[iii] Usia dan etnik

[15 markah]

[b] Apakah faktor yang menyebabkan seseorang mempunyai pilihan untuk bertutur lebih daripada satu bahasa? Huraikan dengan ringkas dan berikan contoh.

[10 markah]

4. Jawab soalan [a] dan [b] yang berikut.

[a] Bahasa bukan verbal digunakan secara meluas di dalam kehidupan seharian. Bincangkan TIGA aspek daripada bahasa tersebut.

[15 markah]

[b] Apakah signifikan dan kesan bahasa tersebut terhadap masyarakat berdasarkan pemerhatian anda.

[10 markah]

5. Jawab soalan [a] dan [b].

Huraikan dengan ringkas pernyataan yang berikut dan berikan contoh yang sesuai berdasarkan persekitaran dan pengetahuan anda sendiri.

[a] [i] Penggunaan bahasa kesat hanya dilakukan oleh masyarakat timur sahaja.

[4 markah]

[ii] Hanya mereka yang berpendidikan rendah sahaja yang menuturkan bahasa kesat.

[4 markah]

[iii] Seseorang itu mengungkapkan bahasa kesat dengan tujuan tertentu.

[4 markah]

[b] Berdasarkan tiga definisi yang berlainan tentang bahasa kesat, bagaimanakah kajian tentang bahasa tersebut telah menarik perhatian para linguist.

[13 markah]